

SUSUNAN VII

Pengukuran tanah bagi maksud khusus

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran tanah bagi maksud yang tidak dirangkumi di bawah Susunan I hingga V di atas. Pengukuran itu adalah—
 - (a) mana-mana tanah untuk hutan, mergastua atau hidupan liar, taman negara, padang ragut dan rizab yang serupa; dan
 - (b) mana-mana tanah untuk padang golf, kelab persendirian dan apa-apa tujuan rekreasi yang lain.

2. Fi pengukuran tanah untuk hutan, mergastua atau hidupan liar, taman negara, padang ragut dan apa-apa rizab lain yang serupa yang luas hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 setiap kerja;
 - (c) caj bagi menerabas, termasuk garisan sambungan untuk azimut, garisan sambungan dan kawalan ialah RM4.00 bagi setiap meter;
 - (d) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
 - (e) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj-caj di bawah perenggan (b), (c) dan (d) di atas adalah terpakai;
 - (f) dalam kawasan keselamatan—
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), dan (d) di atas adalah terpakai; atau

- (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), dan (d) di atas adalah terpakai; dan
- (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai;
- (g) caj-caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c) dan (d)

- (h) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparansi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

3. Fi pengukuran bagi pengukuran tanah untuk padang golf, kelab persendirian dan apa-apa tujuan yang serupa ialah seperti yang berikut:

(a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;

(b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 bagi setiap kerja;

(c) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.

(d) caj pengukuran:

<i>Saiz lot</i>	<i>Kadar bagi setiap lot (RM)</i>
Bagi mana-mana lot sehingga 5 hektar	5,800.00
Bagi setiap tambahan 1 hektar atau sebahagian daripadanya yang melebihi 5 hektar pertama	1,100.00

(e) caj bagi menerabas termasuk garisan sambungan untuk azimut, garisan sambungan dan kawalan ialah RM2.00 bagi setiap meter;

(f) jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), (d) dan (e) di atas adalah terpakai;

(g) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
---	------------

0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (d) dan (e)

(h) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparansi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.